

## **WATAK DEWI KUMANG DALAM *ENTELAH* (TEKA-TEKI) IBAN: INTERPRETASI MAKNA KUASA SAKTI**

**Patricia a/k Ganing  
Asmiaty Amat**

---

### **ABSTRAK**

Masyarakat Iban merupakan antara etnik di Sarawak yang sangat kaya dengan kesusastraan lisannya. Antara sastera lisan yang sangat terkenal dalam kalangan mereka ialah *entelah* atau teka-teki. *Entelah* merupakan satu bentuk sastera lisan yang kaya dengan simbol-simbol dalam kandungan penyataannya. Simbol-simbol inilah antara aspek yang telah membentuk nilai keindahan dalam *entelah*. Antara simbol yang kerap digunakan dalam *entelah* ialah watak Dewi Kumang. Dewi Kumang merupakan simbol kuasa sakti dalam kepercayaan masyarakat Iban. Dengan menjabarkan Teori Semiotik Charles Sander Peirce (1965), pengarang telah merungkai interpretasi makna kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang. Kuasa sakti yang disampaikan menerusi mimpi dipercayai memberikan petanda tertentu kepada masyarakat Iban. Petanda tersebut secara tidak langsung turut mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban, termasuklah dalam budaya *ngayau* (*head-hunting*) dan perkahwinan.

**Kata kunci:** *Entelah*, Dewi Kumang, Teori Semiotik Charles Sanders Pierce, simbol kuasa sakti, mimpi.

### **ABSTRACT**

*Ibanese society is one of the ethnics in Sarawak that are known for its rich, oral literatures. Among those oral literatures, the famous one among all of them is entelah or riddles. Entelah is a form of oral literature that is rich with symbols in its contents. These symbols are the ones that brings out the beauty in Entelah. Among the symbols, the one that often occur is the character of Goddess Kumang. The goddess is considered as a symbol of supernatural power among the Ibanese society. By simplifying the Semiotic Theory of Charles Sander Peirce (1965), authors had managed to reveal the interpretation of supernatural powers possessed by Goddess Kumang. The supernatural*

*powers that were portrayed in dreams are believed to give certain omens to the Ibanese community. Indirectly, those omens influence the Ibanese way of life, including the tradition of ngayau (head-hunting) and marriage.*

**Keywords:** Entelah, Goddess Kumang, Semiotic Theory of Charles Sanders Pierce, symbol of supernatural, dreams.

## PENGENALAN

Negeri Sarawak yang dikenali sebagai Bumi Kenyalang adalah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dan mempunyai pelbagai suku kaum peribumi. Suku kaum peribumi ini menganut pelbagai agama, kepercayaan dan mempunyai adat resam serta budaya masing-masing. Bahasa dan dialek yang dituturkan juga berbeza-beza mengikut daerah-daerah kediaman mereka di kawasan pedalaman. Antara masyarakat yang terkenal di Sarawak ialah masyarakat Iban. Masyarakat Iban merupakan etnik majoriti di negeri Sarawak. Mereka tinggal di merata-rata tempat di seluruh negeri Sarawak. Chemaline (2011a: 5), menyatakan bahawa dianggarkan terdapat sejumlah 500,000 orang Iban menghuni di Sarawak. Pada zaman dahulu, pihak penjajah British mengenali masyarakat Iban sebagai Dayak Laut. Jensen (1974: 15) mencatatkan bahawa “*to the outside world the Iban were first known as Sea Dyaks. The word “Dyak” or Dayak” has been widely used, in particular by a Dutch colonial administration in East Indies, to signify any non-Malay native.*” Walaupun terus dikenali sebagai Dayak Laut, perkataan Iban telah lama digunakan di kebanyakan kawasan negeri Sarawak pada masa itu.

Sebagai etnik majoriti di Sarawak, masyarakat Iban kaya dengan pelbagai jenis sastera rakyat seperti cerita rakyat, puisi dan banyak lagi genre sastera rakyat lain. Kepelbagaiannya jenis sastera rakyat ini lahir daripada kebijaksanaan nenek moyang yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain secara lisan dalam bahasa Iban. P.D Freeman dalam tulisannya mengakui bahawa sastera rakyat Iban adalah lebih kaya daripada sastera rakyat Greek pada zaman Homer (dlm. Shamsudin Jaafar, 1997: 13). Masyarakat Iban turut memiliki puisi yang mempunyai nilai keindahannya yang tersendiri. Puisi masyarakat Iban dikenali sebagai *leka main*. *Leka main* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu puisi hiburan, puisi *adat basa* dan puisi invokasyen. Setiap puisi berlatarbelakangkan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional. Puisi Iban dikategori berdasarkan fungsinya seperti *leka main pemerindang* (hiburan), *adat basa* (adat) dan *invokesyen* (keagamaan). Walaupun tergolong dalam kategori yang sama, cara menyampaikan puisi-puisi ini adalah berbeza.

Antara sastera rakyat yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Iban ialah *entelah* atau teka-teki. Fungsi utama *entelah* adalah hiburan, iaitu untuk untuk menguji minda, hiburan serta dijadikan alat interaksi antara masyarakat Iban. Keunikan *entelah* telah menjadikannya sejenis sastera rakyat yang istimewa bagi masyarakat ini. *Entelah* dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan struktur fizikalnya. Patricia ak Ganing (2013: 112) telah memecahkan penciptaan *entelah* kepada dua kaedah, iaitu menggunakan kaedah pertama dan kaedah kedua. Kedua-dua kaedah ini memiliki struktur fizikal yang sangat menarik dan terdapat sedikit perbezaan. Struktur fizikal *entelah* pertama terdiri daripada kandungan pernyataan atau *suar*, pembayang atau *ulu lungga* dan jawapan atau *lalai*. Struktur fizikal *entelah* yang kedua pula terdiri daripada kandungan pernyataan atau *suar*, pembayang atau *ulu lungga*, tempat atau *menua* dan jawapan atau *lalai*.

Selain itu, keistimewaan *entelah* juga tergambar pada kandungan pernyataannya disampaikan dengan menggunakan *jaku kelaung* atau bahasa kiasan bagi menyembunyikan sesuatu perkara. Keistimewaannya ini memunculkan pelbagai tanda yang membawa banyak maksud tersurat dan tersirat kepada kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban. Tanda-tanda ini dikenal pasti apabila sesetengah nama atau istilah sering kali diulang oleh pengarang. Antara nama yang kerap diulang ialah watak Dewi Kumang. Pengulangan ini semestinya membawa makna yang sangat besar dalam masyarakat Iban. Justeru, kajian ini dianggap sangat penting untuk dijadikan wadah dalam merungkai penanda dan petanda yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Iban.

## METODOLOGI PENELITIAN

Penyelidikan ini berorientasikan kerja lapangan seperti mana yang selalu diguna pakai oleh pengkaji tradisi rakyat. Melalui kerja lapangan ini, pengkaji telah menganalisis penggunaan watak Dewi Kumang dalam beberapa buah *entelah* menggunakan Teori Semiotik Triadik Pierce (1965). Penelitian ini sejajar dengan ungkapan Pierce bahawa permaknaan sesuatu tanda adalah bertahap-tahap. Tahap-tahap ini dikenali sebagai tahap pertama (*firstness*), tahap kedua (*secondness*) dan tahap ketiga (*thirdness*). Dalam tulisan ini, ketiga-tiga tahap terhadap tanda dan petanda dalam *entelah* Iban digunakan.

Tahap yang pertama (*firstness*) dalam penelitian ini adalah untuk mengenal pasti tanda, manakala peringkat yang kedua (*secondness*) pula adalah untuk menentukan sama ada objek yang telah dikenal pasti boleh diacukan kepada ikon, indeks atau simbol. Tahap ketiga (*thirdness*) penelitian pengkaji pula adalah

mentafsir makna pada tanda yang telah dikenal pasti untuk mengetahui petanda yang istimewa kepada masyarakat Iban.

### **Tanda Dewi Kumang**

Menurut sumber lisan, Dewi Kumang meruapakan seorang puteri yang sangat besar pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat Iban. Dewi ini berasal dari sebuah perkampungan yang bernama Gelung. Perkampungan ini dipercayai berada di langit. Dewi Kumang merupakan adik kepada Dewa Tutung. Dewi Kumang berkahwin dengan Dewa Keling dan menetap di Panggau Libau, sebuah perkampungan untuk Dewa Keling yang terletak di langit.

Kedudukan Dewi Kumang dalam masyarakat Iban dilihat memiliki persamaan dengan Dewi Kuan Yin yang disembah oleh masyarakat Cina. Dewi Kuan Yin berupa seorang wanita yang berwajah keibuan dan berhati mulia. Ann Wan Seng (1996: 66) menyatakan bahawa Dewi Kuan Yin memiliki kedudukan sebagai dewi yang memberikan kasih sayang, keselamatan dan kesejahteraan hidup kepada mereka yang menyembahnya. Begitu juga dalam masyarakat Iban, mereka turut mempercayai bahawa Dewi Kumang mampu memberikan kesejahteraan hidup kepada orang yang menyembah dan mempercayainya.

Kekerapan penggunaan watak Dewi Kumang dalam *entelah* telah menjadi tanda yang membawa petanda sangat bermakna kepada masyarakat Iban. Kepercayaan masyarakat Iban terhadap keistimewaan dan kekuasaan Dewi Kumang sememangnya tidak dapat disangkal lagi sedari dahulu hingga sekarang. Masyarakat Iban mempercayai bahawa Dewi Kumang memiliki segala kesempurnaan hidup seperti memiliki kuasa sakti, kecantikan, kebijaksanaan, kepandaian dan ketinggian budi bahasa.


### **Penanda Kuasa Sakti**

Satu daripada penanda kepada tanda Dewi Kumang yang ditonjolkan dalam *entelah* ialah kuasa sakti. Penanda ini dikelaskan sebagai simbol kuasa sakti. Kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang diklasifikasikan sebagai simbol kerana telah diterima secara konsesi atau disepakati oleh masyarakat Iban. Dewi Kumang dianggap simbol kuasa sakti dalam kepercayaan tradisional mereka. Berikut merupakan jadual bagi merumuskan hubungan triadik kepada penanda kuasa sakti berdasarkan Teori Semiotik Charles Sander Pierce:

**Jadual 1** Pengklasifikasi penanda kuasa sakti

Tanda	Objek /Penanda			Petanda
	Ikon	Indeks	Simbol	
Dewi Kumang			Kuasa Sakti	-Kepercayaan -Kehidupan

Proses menginterpretasikan petanda daripada tanda adalah pada tahap ketiga. Dewi Kumang sebagai tanda dan simbol kuasa sakti pula adalah penanda, manakala perkara-perkara yang diinterpretasikan daripada penanda dikenali sebagai petanda. Berikut merupakan rumusan daripada model analisis yang digunakan bagi menghuraikan petanda kepada penanda kuasa sakti.



**Rajah 1** Model analisis *entelah* dalam *Entelah* menurut kefahaman Teori Charles Sanders Pierce

Kuasa sakti adalah kuasa yang sangat luar biasa yang dipercayai oleh masyarakat Iban menguasai dunia ini. Bagi masyarakat peribumi ini, Dewi Kumang dipercayai memiliki kuasa sakti yang melebihi kekuasaan manusia biasa dan mampu membantu manusia yang berada dalam kesusahan. Namun begitu, dipercayai hanya individu yang bertuah sahaja akan mendapat pertolongan daripada Dewi Kumang. Kehadiran Dewi Kumang untuk menurunkan kuasa saktinya tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. James Jemut Masing (1981: 31) mengatakan bahawa, "While orang panggau only help selected few. And when that help is given, it is usually made known to the person concerned in a dream."

Bersesuaian dengan pendapat tersebut, masyarakat Iban mempercayai bahawa kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang untuk membantu manusia adalah menerusi mimpi. Oleh itu, masyarakat Iban sangat mempercayai bahawa kuasa sakti yang dimiliki Dewi Kumang sangat berkait rapat dengan mimpi. Kepercayaan yang amat kuat ini telah menjadikan watak Dewi Kumang kerap digunakan dalam penciptaan *entelah*. *Entelah 1* berikut merupakan antara *entelah* yang mengandungi maksud tersirat yang menerangkan kehadiran Dewi Kumang menerusi mimpi.


	<b>Entelah</b>	<b>Terjemahan</b>
1	<p>Endu Teruna Dara Lenta, Dudi iya ditanya dulu iya mai beambai,</p> <p><b>Endun Kumang Dara Lulung, Dudi iya di gusung dulu iya nemuai.</b></p> <p>Menua: Di langgung tanah kerapa, di pasar endur bejual beli Ulu Lungga: Rumah tuan Ngelalaika: Buah Asam</p>	<p>Si gadis Dara Lenta, Dia terlebih dahulu mengajak bercinta daripada menegur,</p> <p><b>Si gadis Kumang Dara Lulung, Dia terlebih dahulu pergi melawat daripada dilawati.</b></p> <p>Tempat: Di kawasan paya, di pasar tempat berjual beli Pembayang: Rumah tuan Jawapan: Buah masam</p>

Dalam *Entelah 1*, pernyataannya secara tersurat mengisahkan bahawa Dewi Kumang terlebih dahulu pergi melawat daripada dilawati. Namun jika diteliti, istilah melawat ini sebenarnya membawa maksud sebuah mimpi yang dialami oleh seseorang individu. Perkara ini berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap mimpi. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, mimpi merupakan satu kepercayaan yang sangat penting untuk mereka berkomunikasi dengan Tuhan atau kuasa *supernatural* yang lain. Bagi mereka, mimpi yang baik akan menjadikan *burung* atau petanda tentang sesuatu perkara juga baik. Satu daripada Dewa yang disembah oleh masyarakat Iban yang menurunkan ajaran berkaitan dengan kepercayaan terhadap burung ialah *Petara* atau Dewa Raja Sengalang Burung. Raja Sengalang Burung dipercayai telah memperturunkan ajaran kepada masyarakat Iban supaya mempercayai bunyi-bunyi burung ketika mengerjakan aktiviti sehari-hari mereka<sup>1</sup>.

Di samping itu, *burung* yang dimaksudkan bukan hanya semata-mata mewakili bunyi-bunyi burung. Malah, burung yang dimaksudkan merangkumi petanda-petanda daripada mimpi, petanda-petanda yang ditunjukkan oleh haiwan-haiwan lain dan petanda-petanda alam yang lain seperti hujan dan sebagainya. *Entelah* berikut mengandungi maksud yang berkaitan dengan petanda-petanda:

	<b>Entelah</b>	<b>Terjemahan</b>
2.	<p><i>Endu Dayang Kumang Lenta belepi suli sanggul kiba. Kelai iya belepi suli sanggul kiba, Bisi parai tuai Laut Oya Badu meringga mulung kenarang. Endu Dayang Kumang Sudan belepi suli sanggul kanan. Kelai iya belepi suli sanggul kanan, Bisi parai tuai Raja Kayan Badu ngajat kenjan, Betitika papan, betangkinka ilang. Menua: Menua kitai menua iya, Menua antu menua petara. Ulu Lungga: Kesulai kuning. Ngelalaika: Ensurai ranjing</i></p>	<p>Dewi Dayang Kumang Lenta menyanggulkan rambutnya ke arah kanan, Seandainya dia bersanggul ke sebelah kiri menandakan terdapatnya orang Melayu Oya yang meninggal,</p> <p>Dewi Dayang Kumang Sudan bersanggul rambut ke sebelah kanan,</p> <p>Seandainya dia bersanggul ke sebelah kanan menandakan terdapatnya ketua Raja Kayan yang meninggal dan berhenti menari membawa pedang.</p> <p>Tempat: Tempat kita tempat dia, tempat hantu tempat Tuhan</p> <p>Pembayang: Rama-rama kuning</p> <p>Jawapan: <i>Ensurai ranjing</i> (bunga hutan)</p>

*Entelah* 2 secara keseluruhannya menceritakan perlakuan Dewi Kumang yang menyanggulkan rambutnya. Namun demikian, perlakuan tersebut membawa maksud secara tersirat yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap petanda-petanda yang disampaikan menerusi mimpi. Masyarakat Iban sangat mempercayai bahawa Tuhan dan kuasa-kuasa ghaib menyampaikan sesuatu alamat atau petanda melalui mimpi. Gambar rajah berikut merumuskan perkaitan mimpi untuk menghubungkan manusia dengan Tuhan yang berada di langit dan kuasa *supernatural* yang berada di *sebayan* atau alam baqa.



**Rajah 2** Mimpi yang menghubungkan manusia, Tuhan dan alam baqa.  
(Sumber: Patricia ak Ganing)

Menurut kepercayaan masyarakat Iban, roh berada dalam tubuh manusia sedari dalam kandungan lagi sehingga seseorang individu tersebut meninggal dunia. Masyarakat Iban mempercayai bahawa setiap benda di dunia ini mempunyai semangat dan manusia mempunyai roh. Dalam konteks ini, roh dan semangat merupakan medium untuk manusia berkomunikasi dengan Tuhan dan kuasa-kuasa *supernatural* menerusi mimpi. Dewi Kumang turut dipercayai berinteraksi dengan manusia menerusi mimpi. Perkara ini sangat bertepatan dengan maksud tersirat *entelah E2* yang membawa maksud sebuah mimpi. Peter M. Kedit (1993:18) menyatakan bahawa “*Iban believe that dream are one means by which they can communicate with the realm of the spirit.*” Pernyataan tersebut bermaksud bahawa salah satu daripada cara masyarakat Iban berkomunikasi dengan kuasa *supernatural* adalah menerusi mimpi.

Walaupun mimpi adalah satu cara manusia berkomunikasi dengan Tuhan dan kuasa-kuasa *supernatural*, setiap mimpi dipercayai mempunyai petanda dan ramalan. Oleh itu, mimpi memainkan peranan yang sangat penting untuk memberikan petanda tentang sesuatu perkara. Petanda-petanda inilah yang sebenarnya membantu mereka melaksanakan sesuatu aktiviti tanpa sebarang rintangan dan halangan. Kepercayaan kepada mimpi sebenarnya sangat mempengaruhi seluruh kehidupan mereka. Jika petanda yang hadir dalam mimpi menunjukkan petanda yang baik, maka aktiviti akan diteruskan. Petanda-petanda yang muncul dalam mimpi dirujuk kepada *lemambahang*, *manang* atau *Tuai Burung*<sup>2</sup>. Namun jika tukang ramal meramalkan bahawa petanda yang hadir dalam mimpi menunjukkan petanda buruk, sesuatu aktiviti tersebut akan ditangguhkan Freeman (dlm. Peter M. Kedit, 1993: 17) turut menyatakan bahawa:

*A dream is the record of adventures of the dreamer's soul, which in sleep wander abroad of its own volition. Dream of the Iban, are the most important of all channels of communication with the spirit world, and dream experiences dominate their behaviour to a remarkable degree. Major ventures are abandoned, long- house deserted, marriages dissolved, all because of adverse dreams. But favourable dreams are even more important, and without them, say the Iban real success prosperity are impossible of attainment.*

Bagi masyarakat Iban pula, mereka turut mempunyai pengklasifikasian tentang mimpi berdasarkan ramalannya. Antaranya ialah mimpi gembira (*mimpi gaga*), iaitu sebuah mimpi yang menggambarkan seseorang memperoleh sesuatu, mimpi buruk (*mimpi changka*) dipercayai memberikan petanda tentang bencana yang bakal menimpa seseorang, mimpi panjang umur (*mimpi gayu*) ialah mimpi tentang kematian atau dikebumikan, mimpi marah (*mimpi ringat*) berkenaan kejadian-kejadian lain yang boleh menimbulkan kemarahan, mimpi tidak panjang

umur (mimpi *pandak* umur), mimpi dibantu oleh Tuhan (*mimpi ditulung antu*) ialah mimpi yang didatangi Dewa Dewi yang menghulurkan bantuan dan mimpi berkabung (*mimpi ngulit*).

Pengklasifikasian mimpi turut dilakukan oleh masyarakat Jawa. Masyarakat Jawa turut mempercayai dan mengklasifikasi mimpi kepada tiga kategori. Menurut Sukatman (2009: 111):

Masyarakat Jawa menggolongkan mimpi kepada tiga kategori, iaitu (1) *sasmitaningrob, mimpisungguhan* yang berisi pesan sungguhan yang berasal dari isyarat (sasmita) tuhan kepada roh manusia, (2) *daradasih*, iaitu mimpi sungguhan yang baik-buruknya isi mimpi akan dialami penerima pesan simbolik yang bersangkutan atau orang lain yang dimimpikan, isyarat ini berasal dari Tuhan atau makhluk suci lainnya, dan (3) *cakrabawa*, iaitu mimpi yang tidak ada maknanya atau mimpi yang berasal dari kekacauan pikiran atau nafsu.

Rentetan daripada pengkategorian ini, segala mimpi yang berkait dengan Dewi Kumang dalam menurunkan kuasa saktinya dikategorikan kepada *mimpi ditulung antu* atau mimpi dibantu oleh Tuhan. Oleh hal yang demikian, mimpi bagaikan penghubung kepada tanda Dewi Kumang yang terdapat dalam *entelah* untuk menginterpretasikan petanda kuasa sakti yang dimilikinya. *Entelah* berikut turut mengandungi maksud tersirat yang menggambarkan kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang:

	<i>Entelah</i>	Terjemahan
3	<p>Lulung mandi ngagai batang Gelung Gendai, Datai din dia iya betitika jambatan kayu tekuyung, Peda ta merebab labuh engkanjung nyau pera-pera baka anak engkeramba ba ujung pemeting.</p> <p><b>Kumang mandi ngagai batang Panggau Lenggang, Datai iya din dia iya nemu diri dibalut lumut ti ngujungka iya enda tau engkebut lalu teduduk nepan ba rangkang.</b></p> <p>Menua: Di temuda repa alai begigaka upa kechala buah senggang. Ulu Lungga: Tulung ulih pansut Ngelalaika: Burung ulih sempulut</p>	<p>Lulung mandi di sungai Batang Gelung Gendai, sesampainya di sana dia meniti jambatan kayu siput, tiba-tiba dia terjatuh dan basah kusup seperti anak patung.</p> <p><b>Kumang mandi di sungai Panggau Lenggang, Sesampainya di sana, dia mengetahui dirinya tidak dapat bergerak dan terduduk di atas ranting.</b></p> <p>Tempat: Di belukar semak tempat untuk mencari umbut kantan Pembayang: Mengeluarkan pertolongan. Jawapan: Burung terkena jerat</p>

Dalam *Entelah* 3, Dewi Kumang tidak menyedari bahawa tubuhnya dibaluti lumut. Perkara tersebut telah menyebabkan dia terduduk di atas ranting. Bagi manusia biasa, adalah mustahil untuk duduk di atas ranting. Oleh sebab ia adalah dewi yang mempunyai kuasa sakti, maka Dewi Kumang mampu duduk di atas ranting. Begitu juga dalam kepercayaan masyarakat Iban, Dewi Kumang mempunyai kuasa sakti untuk membantu manusia di bumi yang berada dalam kesusahan. Misalnya dalam perkara-perkara berikut, petanda yang diberikan oleh Dewi Kumang menerusi mimpi sangat penting serta memberikan maksud tertentu sama ada berkenaan perkara yang baik atau buruk. Misalnya, seseorang individu akan mengadakan upacara keagamaan sekiranya mengalami penyakit yang sukar disembuhkan.

Hal ini bertujuan untuk memohon doa kepada Tuhan agar segala penyakitnya sembuh. Dalam situasi ini, Dewi Kumang datang menerusi mimpi dan menurunkan kuasa untuk menyembuhkan individu tersebut sembuh daripada penyakitnya. Oleh itu, penanda kuasa sakti kepada tanda Dewi Kumang menginterpretasikan petanda dalam kepercayaan dan kehidupan masyarakat Iban. Walaupun pada zaman dahulu, *entelah* hanya dianggap sebagai sastera lisan yang berbentuk hiburan, secara tidak langsung pencipta *entelah* juga telah merakamkan kepercayaan mereka secara tersirat.

Penanda kuasa sakti kepada tanda Dewi Kumang dalam *entelah* bukan sahaja berkuasa dalam menyembuhkan penyakit manusia, malah mampu membantu dalam pelbagai perkara termasuklah ketika peperangan, perkahwinan dan sebagainya. Disebabkan kepercayaan yang amat kuat ini, maka petanda-petanda berkaitan dengan kekuasaan Dewi Kumang menerusi mimpi menjadi panduan ketika melakukan perkara berikut:

i) ***Ngayau/Berperang***

Satu daripada petanda yang diinterpretasikan oleh penanda kekuasaan sakti Dewi Kumang adalah perkara yang berkaitan dengan peperangan masyarakat Iban pada zaman dahulu. *Entelah* 4 berikut merupakan antara *entelah* yang mengandungi maksud tersirat berhubung dengan kemenangan dalam peperangan.

	<i>Entelah</i>	Terjemahan
4	<p><i>Kumang Dara Jawai merau seiku-iku, Enda takutka diri lesi bebadi parai. Anangka lesi bebadi parai, Ngasuh iya baka kayu mikai puak kelelang.</i></p> <p><i>Kumang Dayang Lulung merau seiku-iku, Enda takut ka diri lesi mabun chundung, Anangka lesi mabun chundung Ngasuh iya nyau jendung-jendung, Baka kandung nibung begayang.</i></p> <p><i>Menua: Di tasik gilik gelumbang, Segera pangka pasang. Ulu Lungga: Lesung batu. Ngelalaika: Apung balu</i></p>	<p><b>Kumang Dara Jawai</b> tidak takut akan kematian apabila naik perahu bersendirian, malah menjadikannya berdiri seperti kayu di tengah-tengah <i>kelelang</i> (sejenis rumput).</p> <p><b>Kumang Dayang Lulung</b> tidak takut akan kematian malah menjadikan dirinya sihat seperti kandungan pokok palma.</p> <p>Tempat: Di laut dipikul gelombang, dinaiki air pasang. Pembayang: Lesung batu Jawapan: Yatim piatu</p>

Dalam *Entelah* 4 di atas, terdapat pernyataan Dewi Kumang Dara Jawai tidak takut akan kematian apabila naik perahu bersendirian, malah menjadikannya berdiri seperti kayu di tengah-tengah *kelelang* (sejenis rumput). Pernyataan ini bermaksud bahawa pahlawan Iban tidak takut menentang musuh walaupun berdepan dengan risiko kematian kerana petanda daripada mimpi yang telah diramalkan menunjukkan mereka akan memperoleh kemenangan. Berbekalkan kepercayaan ini, maka para pahlawan lebih bersemangat untuk berjuang.

Di samping itu, pernyataan *Entelah* 4, iaitu Kumang Dayang Lulung tidak takut akan kematian malah menjadikan dirinya sihat seperti kandungan pokok palma membawa maksud sifat patuh seorang pahlawan kepada petanda yang muncul dalam mimpi. Kepatuhan kepada ramalan-ramalan mimpi ini akan mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Seandainya tukang ramal mengatakan bahawa ramalan daripada mimpi membawa petanda yang tidak baik, maka perperangan tersebut harus dibatalkan atau ditangguhkan. Namun jika ramalan menunjukkan petanda yang baik, maka perperangan boleh diteruskan.

Maksud tersirat yang berkaitan dengan perperangan dalam *entelah* tersebut sangat berkaitan dengan kepentingan perperangan kepada masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, aktiviti *ngayau* (*head-hunting*) merupakan satu perkara yang sangat penting kepada masyarakat Iban. Aktiviti *ngayau* mempunyai beberapa tujuan seperti mendapatkan kawasan dan bagi memperoleh harta benda. Selain itu, masyarakat Iban juga menyertai *ngayau* untuk tujuan meningkatkan status

keperwiraan dalam organisasi sosial mereka. Pahlawan-pahlawan yang berjaya memenggal banyak kepala musuh digelar sebagai *Bujang Berani*. Kejayaan pahlawan Iban yang berjaya menangkap *anak umbung* atau anak yang ditatang bagi puteri juga menjadi salah satu kriteria untuk mendapat gelaran *Bujang Berani*.

Untuk tujuan *ngayau*, penduduk dalam rumah panjang akan bermesyuarat bagi menetapkan satu tempoh untuk pergi memburu kepala manusia di tempat lain. Sepanjang tempoh menunggu waktu *ngayau*, seluruh penduduk rumah panjang akan membuat segala persediaan termasuklah menyediakan segala senjata dan melakukan upacara pemujaan untuk azimat perang yang dimiliki oleh pahlawan. Selain daripada kepentingan senjata dan azimat, petanda-petanda muncul menerusi mimpi juga adalah satu perkara yang sangat penting dan dititikberatkan untuk tujuan kemenangan dalam peperangan. Oleh itu, *ketuai kayau* (ketua peperangan) akan mengumpulkan semua pahlawan sekali lagi sebelum tiba waktu untuk pergi berperang (temu bual bersama Edmund Langgut).

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, peranan petanda yang muncul menerusi mimpi sangat penting dalam menentukan keberlangsungan aktiviti peperangan. Petanda yang hadir dalam mimpi seseorang termasuklah bermimpikan kehadiran Dewi Kumang dianalisis oleh individu yang pakar meramal mimpi. Apabila petanda-petanda daripada mimpi tersebut telah disahkan membawa maksud yang baik oleh tukang ramal, maka aktiviti peperangan akan diteruskan. Dalam *entelah* yang telah dianalisis, Dewi Kumang telah dikenal pasti sebagai tanda dominan kerana kekerapannya digunakan dalam penciptaan *entelah*.

## ii) Perkahwinan

Walaupun pada dasarnya *entelah* dicipta untuk tujuan hiburan, kandungan pernyataannya turut menggambarkan aspek kehidupan masyarakat Iban termasuklah kepercayaan mereka dalam menentukan sesebuah perkahwinan. Begitu jugalah perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, petanda kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang turut memainkan peranan. Dewi Kumang dikatakan selalu hadir dalam mimpi seseorang untuk memberikan petanda-petanda tertentu tentang ciri-ciri wanita atau lelaki yang sepatutnya menjadi pasangan hidup. Kepercayaan masyarakat Iban berkaitan dengan perkara ini turut digambarkan dalam *Entelah 5* berikut.

	<b>Entelah</b>	<b>Terjemahan</b>
5	<p>Endu Kumang Dayang Sudan, Mali bedujung tunga ke kanan. Nama iya bedujung tunga ke kanan, Parai Kayan Nanga Baram, Mati telentang.</p> <p>Endu Kumang Dayang Lenta, Mali bedujung tunga ke kiba. Nama iya bedunjung tunga ke kiba, Parai Melayu Oya Meringga mulung bekerang.</p> <p>Menua: Ditasik gilik gelumbang, Di bena pangka pasang. Ulu Lungga: Pengaruh babi. Ngelalaika: Pauh bali</p>	<p>Dewi Kumang Dayang Sudan tidak boleh berkumpul ke arah kanan. Seandainya dia masih berkumpul ke arah kanan, seorang Kayan di Muara Baram mati terlentang.</p> <p>Dewi Kumang Dayang Lenta tidak boleh berkumpul ke arah kiri. Seandainya dia tetap berkumpul ke arah kanan, orang Melayu di Oya meninggal dunia ketika menebang pokok sagu.</p> <p>Tempat: Di laut yang bergelombang, di ombak dihempas air pasang. Pembayang: Azimat khinzir Jawapan: Pauh bali (sejenis buah)</p>

"Dewi Kumang Dayang Sudan tidak boleh berkumpul ke arah kanan. Seandainya dia masih berkumpul ke arah kanan, masyarakat Kayan di Muara Baram mati terlentang" adalah pernyataan pada *entelah* (E 5) yang membawa maksud tersirat. Pada pernyataan ini, jelas menunjukkan bahawa kuasa sakti yang dimiliki oleh Dewi Kumang dapat meramal dan memberikan petunjuk kepada seseorang individu menerusi mimpi berkenaan masa depan perkahwinannya. Dalam situasi ini, masyarakat Iban mempercayai bahawa hanya individu yang terpilih akan bermimpikan Dewi Kumang. Dengan kuasa sakti yang dimilikinya, Dewi Kumang mampu menjadikan individu terpilih ini mempunyai sebuah kehidupan yang baik dan sempurna bersama dengan pasangannya, manakala individu yang terpilih ini pula harus menunaikan amanah yang telah disampaikan oleh Dewi Kumang. Keingkaran individu tersebut akan petunjuk yang telah disampaikan oleh Dewi Kumang nescaya mengundang malapetaka terhadap dirinya sendiri.

Situasi ini diterangkan menerusi penerangan berikut. Misalnya, Si Beji telah bermimpikan akan kehadiran Dewi Kumang. Dalam mimpi tersebut, Dewi Kumang mengarahkan Beji untuk memperisterikan gadis bernama Endu Simba. Lantaran itu, Beji telah berusaha mencari gadis yang dimaksudkan untuk dilamar sebagai isteri. Oleh kerana menurut kepercayaan masyarakat Iban, maka petunjuk yang telah diberikan oleh Dewi Kumang menerusi mimpi ini harus ditunaikan. Kepatuhan kepada petunjuk mimpi ini dipercayai akan mendatangkan keberkatan dalam hidup seseorang individu sepanjang kehidupannya, manakala bagi individu yang ingkar terhadap petunjuk yang disampaikan menerusi mimpi tersebut dipercayai akan ditimpa malapetaka dalam hidupnya. Rentetan itu, pencipta

*entelah* secara tidak langsung telah memuatkan kepercayaan ini dalam kandungan *entelah*. Perkara ini telah menjadikan *entelah* Iban memiliki nilai keindahan yang tidak ternilai.

## KESIMPULAN

Masyarakat Iban merupakan etnik majoriti yang tinggal di Sarawak. Mereka kaya dengan kesusasteraan tradisionalnya. Antara sastera lisan masyarakat Iban yang terkenal ialah *entelah*. Tulisan ini telah menganalisis penggunaan watak Dewi Kumang *entelah* terpilih berdasarkan Teori Semiotik Charles Sanders Pierce. Hasil daripada penelitian ini mendapati bahawa watak Dewi Kumang kerap diulang dalam sejumlah *entelah*. Oleh itu, watak Dewi Kumang dianggap sebagai tanda. Tanda ini seterusnya telah mengacukan penanda kuasa sakti untuk menerangkan fungsinya, manakala penanda ini telah menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban seperti dalam upacara mengubati penyakit, perperangan, perkahwinan dan sebagainya.

## NOTA

<sup>1</sup> Kepercayaan kepada bunyi-bunyi burung turut diamalkan oleh masyarakat Sungai di Sabah (Sansalu, 2012).

<sup>2</sup> Begitu juga dalam masyarakat Kadazandusun, *Bobolian* merupakan orang yang pakar dalam meramal nasib dan mentafsir mimpi (Jacinta Tangil, 2001: 95).

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar teori dan kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Alex Sobur, M.Si. (2009). *Semiotika komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ann Wan Seng. (1996). *Kepercayaan orang Cina*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chemaline ak Osup. (2011a). *Sistem Jaku Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production.
- Jacinta Tangil. (2001). *Puisi tradisional Kadazandusun: Satu gambaran kepercayaan*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James Jemut Masing. (1981). *The coming of Gods: A study of an Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River of Sarawak*. Tesis PhD. Canberra: Australian National University.
- Jensen, Erik. (1974). *The Iban and their religion*. London: Oxford University Press.
- Low Kok On, Janathan Kandok, Rosliah Kinting, Sim Chee Cheang & Saidatul Nornis. (2013). *Teka-teki warisan peribumi Sabah terpilih: Konteks, fungsi dan pengkategorian*. Kota Kinabalu: Output Digital Print Cafe.

- Low Kok On, Janathan Kandok, Rosliah Kinting, Sim Chee Cheang, Saidatul Normis, Awang Asri & Esterlina. (2013). *Dokumentasi teka-teki, peribahasa dan cerita jenaka lisan orang Kedazandusun, Murut, Bajau dan Melayu Brunei*. Kota Kinabalu: Output Digital Print Cafe.
- Patricia anak Ganing. (2013). *Analisis entelah dalam masyarakat Iban*. (Tesis Sarjana). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Pierce, Charles Sanders. (1965). *Collected paper Charles Sanders Pierce* (Vol. I & II). Cambridge Massaschusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Peter Kedit Muluk. (1993). *Iban bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Rosazman Hussin, Jalihah Md. Shah & Dayu Sansalu. (2012). *Orang Sungai*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Shamsuddin Jaafar. (1997). *Sastera dalam masyarakat majmuk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukatman. (2009). *Butir-butir tradisi lisan Indonesia, pengantar teori dan pembelajarannya*. Yogyakarta: Laksbang Pressindo.

